

# Julung kalinya Pameran Projek Kajian Seni Visual diadakan secara besar-besaran di Ujana Kewangan



**Labuan, 14 Sept** – Buat julung kalinya Majlis Pameran Projek Kajian Seni Visual STPM SMK Labuan 2019 diadakan secara besar-besaran di Ujana Kewangan yang berlangsung meriah dan mendapat sambutan ramai, Sabtu lalu.

Projek Kajian Seni Visual merupakan salah satu kertas yang wajib diambil oleh calon STPM 2019 yang mengambil mata pelajaran seni visual sebagai komponen pentaksiran untuk penggal 3.

Aktiviti pameran merupakan salah satu aktiviti wajib diadakan dan menyumbangkan markah sebanyak 20%. Tempoh kerja kursus yang diberi oleh pihak Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) kepada pelajar STPM ialah selama 6 bulan iaitu pada bulan April hingga bulan Oktober 2019.

Pada tahun ini tema kemerdekaan dipilih oleh MPM dengan matlamat agar dapat menyemarakkan semangat cinta kepada

negara dalam kalangan masyarakat, khususnya remaja

Pengetua SMK Labuan, Encik Ismail Abdullah mengharapkan agar program ini dapat meningkatkan nilai apresiasi seni dalam kalangan masyarakat khususnya remaja lebih-lebih lagi seni sebagai medium untuk menyemai semangat cinta akan negara.



Dato' Sri Haji Amir, Encik Raisin Saidin, Encik Ismail dan Tn Hj Md Yusof bersama para guru, tetamu serta pelajar-pelajar yang menjayakan Projek Pameran Seni Visual 2019

Pengarah Pendidikan WP Labuan, Encik Raisin Saidin dalam ucapan aluannya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Pusat Tingkatan Enam SMK Labuan kerana telah mengambil inisiatif mengadakan Pameran Projek Kajian Seni Visual ini di lokasi yang terbuka dan boleh dikunjungi oleh pelbagai lapisan masyarakat, sejajar dengan hasrat beliau ketika mengunjungi pameran yang sama pada tahun lepas.

Pengarah Pendidikan juga mengumumkan Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan akan memberi peruntukan kepada SMK Labuan untuk menjilid / mencetak buku Katalog Pameran Apresiasi Seni Visual 2019.



*“Hasil-hasil karya pelajar-pelajar Tingkatan Enam bermutu tinggi ini mesti dipromosikan kepada masyarakat luar untuk menjadikannya lebih difahami dan diangkat ke peringkat yang lebih tinggi. Saya pernah menyentuh tentang aspek keusahawanan dalam bidang seni visual. Di beberapa tempat tertentu terutama di ibu negara dan di lokasi-lokasi pelancongan, artis-artis seni visual boleh memperoleh pendapatan yang tinggi daripada jualan karya-karya yang mereka hasilkan.” Encik Raisin Saidin*

Tambahnya lagi, para pelajar perlu melihat seni visual ini sebagai peluang untuk dijadikan profesion sepenuh masa, bukan semata-mata satu subjek untuk lulus sahaja. Pelajar-pelajar boleh melanjutkan pelajaran dalam bidang seni visual yang banyak ditawarkan di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta.



Encik Ismail memberikan cenderamata kepada tetamu VVIP yang hadir

Majlis telah dirasmikan oleh Pengerusi Perbadanan Labuan, Dato Sri' Haji Amir Bin Haji Hussein.


Beliau berkata Pihak Perbadanan Labuan dan Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Warisan ketika ini memberi tumpuan kepada aspek-aspek seni visual untuk mengindahkan Pulau Labuan ini dan sebagai daya penarik pelancong-

pelancong untuk datang ke sini.

*"Saya mencadangkan pihak sekolah berkolaboratif dengan Persatuan Seni Visual Labuan (Lavista) dan boleh bekerjasama dalam latihan dan bimbingan, serta kemudiannya menghasilkan karya-karya yang sesuai mengikut tema-tema tertentu yang boleh dipromosikan atau dijual kepada masyarakat tempatan atau para pelancong." Dato Sri Haji Amir*

Dato' Sri Haji Amir juga mengumumkan akan menyumbangkan sebanyak RM 5000 kepada SMK Labuan bagi tujuan menyokong aktiviti Seni Visual SMK Labuan.

Terima kasih juga YDP PIBG SMK Labuan Tn Hj Md Yusof Hj Chucu yang menyumbang peruntukan kewangan bersama Koperasi SMK Labuan Berhad sebanyak RM2000 untuk sewaan tempat dan perbelanjaan lain untuk pameran ini.



Salah seorang pelajar yang memperagakan hasil karya

seninya